

20 MAY 2001

Akar-Bubar (Bergambar)

PARTI AKAR BUBAR UNTUK SERTAI UMNO

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), parti komponen tertua Barisan Nasional (BN) Sabah, hari ini dibubarkan secara rasmi selepas berjuang dalam kancah politik negeri ini selama 12 tahun.

Pengisytiharan pembubaran parti itu dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, pada perhimpunan khas parti itu di sini.

Sejurus selepas majlis itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, yang merupakan presiden parti itu sebelum pembubarannya, menyerahkan borang permohonan beliau dan anggota-anggota parti itu untuk menyertai Umno kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir ketika mengisytiharkan pembubaran parti berkenaan pada akhir ucapannya pada majlis itu berkata: "Dengan harapan bahawa pembubaran Akar akan menjadikan Umno lebih kuat dan menyumbang kepada Barisan Nasional di Sabah, saya dengan terharu dan sedih merasmikan pembubaran Akar di Sabah ini."

Beliau kemudian menekan satu punat di pentas utama untuk menyempurnakan majlis itu dan sejurus kemudian tertera pengisytiharan pada satu layar besar yang berbunyi: "Saya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan juga Presiden Umno dengan ini mengisytiharkan pembubaran parti Akar dan seterusnya mengumumkan kemasukan ahli-ahli Akar ke dalam parti Umno."

Sebagai tanda penerimaan Umno terhadap anggota Akar, Dr Mahathir kemudian menyematkan lencana Umno di baju Pandikar.

Pandikar yang kelihatan bersemangat sepanjang majlis itu bagaimanapun kelihatan terharu apabila perjuangan parti itu sehinggalah ke saat akhir hayatnya diungkap kembali melalui satu bacaan puisi pada akhir majlis itu.

Dalam ucapannya Dr Mahathir meminta Umno Sabah menerima kemasukan anggota-anggota parti Akar ke dalam parti itu dan memberi layanan yang sama rata kepada mereka.

"Apabila kita menyertai sesuatu parti, kita ada hak sama. Saya minta Umno menerima mereka dengan tangan terbuka dan anggap mereka anggota Umno dan bukannya anggota Umno bekas Akar. Soal Akar tidak lagi timbul.

"Kadang-kadang kita dapati ada orang Umno tidak senang hati apabila anggota parti lain menyertainya, misalnya ketika parti Semangat 46 dibubarkan dahulu dan anggotanya menyertai Umno, mereka menganggap bekas anggota S46 ini sebagai bekas musuh," kata beliau.

Hakikatnya, kata Perdana Menteri, Umno sanggup menerima sesiapa sahaja yang percaya dengan perjuangan parti itu walaupun daripada kalangan mereka yang pernah keluar parti atau menyokong mereka yang telah keluar parti itu.

Beliau juga menyatakan rasa gembira beliau kerana dimaklumkan bahawa Umno Sabah sedia menerima anggota Akar.

Katanya beliau sebelum ini juga telah berbincang dengan Pandikar mengenai masa depan Akar "dan jelas dia (Pandikar) juga sedih untuk membubarkan Akar tetapi demi kebaikan ahli beliau sanggup mengambil keputusan ini."

Mengenai kedudukan anggota Akar yang bukan daripada kaum Bumiputera, Dr Mahathir berkata: "Saya difahamkan ramai anggota Akar yang berketurunan Cina dan diberitahu bahawa mereka rela untuk menyertai Umno Sabah."

"Umno ialah parti untuk orang Melayu tetapi oleh kerana pentingnya kita berkembang di Sabah, kita telah menerima Bumiputera bukan Islam sebagai anggota parti dan sekarang kita akan terima orang Cina juga dalam Umno,"

kata beliau.

Bekas anggota Akar juga mempunyai pilihan untuk menyertai parti komponen BN yang lain, katanya.

Katanya perkara itu bukan sesuatu yang luar biasa kerana di Semenanjung, Umno juga menerima keanggotaan daripada masyarakat Thai.

"Walaupun majoriti anggota Umno adalah orang Melayu dan mereka yang beragama Islam tetapi kita memberi tempat juga kepada mereka yang bukan Bumiputera," kata beliau.

Pada persidangan berita kemudian, Dr Mahathir menjelaskan penerimaan kaum Cina dalam Umno adalah bagi negeri Sabah sahaja.

Katanya Umno Sabah telah diberi kelonggaran untuk menerima anggota daripada masyarakat Cina dan tiada keperluan untuk meminda perlembagaan parti bagi maksud berkenaan.

Dengan pembubaran Akar, BN kini mempunyai 13 parti komponen iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Semenanjung.

Empat lagi adalah di Sabah iaitu Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Maju Sabah (SAPP) manakala selebihnya di Sarawak iaitu Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB).

-- BERNAMA

JS AKD